

BERITA HARIAN

# Antara janji manis dan rekod bekerja



Oleh Misiah Taib

"PETANDA baik. Mereka lebih bersemangat, lebih padu. Saya tidak pernah melihat jentera parti begitu bersemangat seperti pilihan raya kali ini. Terus terang saya katakan, saya benar-benar puas had melihat jentera parti bergerak dengan penuh disiplin.

"Mereka bekerja tanpa mengira masa. Mereka tak mengira sama ada mendapat imbuhan atau tidak. Insya-Allah, berbekalkan semangat ini Barisan Nasional (BN) akan ifienang besar kali ini".

Keyakinan ini disuarakan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, setelah membantu jentera parti berkempen di Kedah, seterusnya di Kelantan dan Terengganu, ketika tempoh berkempen berbaki tiga hari saja lagi.

Meskipun namanya tidak disenaraikan sebagai calon setelah pada awalnya diura-urakan akan turut disenaraikan, Muhammad yang juga dikenali sebagai 'Mike Tyson' tetap turun gelanggang dan meletakkan kepentingan parti mengatasi segala-galanya.

Dengan sokongan isterinya, Puan Sri Asbi Rohani Asnan, yang turut bersamanya turun gelanggang, 'pejuang sejati Umno' ini memberi tumpuan membantu kempen di tiga negeri berkenaan mulai kelmarin.

"Dari jam 10 pagi hingga 1 pagi tadi (kelmarin), saya berada di Baling, sempat juga singgah di Pokok Sena, Sungai Tiang dan Pendang. Pagi ini (semalam) saya ke Seberang Prai sebelum ke Kota Bharu.

"Di setiap tempat saya singgah, jentera parti begitu bersemangat dan padu. Saya amat gembira ia satu petanda baik bagi kita," katanya yang menaiki kenderaan bersama pemandunya, seorang rakan dan isterinya.

Seperti diduga, pemantauan beliau mendapati modal pembangkang di tiga negeri berkenaan tentunya isu basi, mengajak pengundi memilih Pas kononnya untuk menegak Islam sebenar, walaupun Pas sendiri seolah-olah 'sudah memperakui Malaysia negara Islam apabila tidak memasukkan penubuhan negara Islam dalam manifestonya.

Taktik Pas kali ini, yang menanam cita-cita menjadikan Kedah 'tawanan' ketiganya selepas Kelantan dan Terengganu, dianggap cuba mengelirukan pengundi dengan tidak memasukkan penubuhan negara Islam dalam manifesto, tetapi ketika berkempen menjadikan negara Islam sebagai modal.

"Pas tidak konsisten. Mereka sebenarnya bukan memperjuangkan Islam tetapi hanya memperalatkan Islam untuk mendapatkan undi. Kalau benar mereka mendakwa memperjuangkan Islam, mereka sepatutnya memasukkan perkara itu di dalam manifesto," kata seorang pe-

merhati politik.

Tindakan Pas yang tidak menyatakan penubuhan negara Islam di dalam manifesto pilihan rayanya kali ini juga secara tidak langsung membuktikan betapa parti itu sendiri sudah memperakui bahawa Malaysia memang sebuah negara Islam dan tidak perlu lagi mereka bising-bising mengenai isu berkenaan.

Dari satu sudut, taktik Pas itu dilihat sebagai cuba meraih sokongan pengundi bukan Islam, selepas menyedari betapa pengundi bukan Islam menentang 'negara Islam ala-Pas' dan betapa isu sama menyebabkan keretakan hubungan sesama pembangkang terutama dengan DAP

Dari segi sejarah juga, soal 'cakap tidak serupa bikin' sudah sebatian dengan pembangkang. Di tempat majoriti Islam mereka menjanjikan penubuhan negara Islam dan di kawasan bukan Islam, mereka menaburkan janji lain pula.

"Semua tahu bahawa penubuhan negara Islam menjadi motto perjuangan Pas selama ini. Kononnya mereka mahu menubuhkan negara Islam yang berbeza dengan apa yang Kerajaan BN buat sekarang.

"Tapi hakikatnya, orang yang pandai berpolitik tidak akan membenarkan diri mereka ditangkap dalam keadaan terang. Itulah yang dilakukan Pas sekarang," kata seorang penganalisis politik, Prof Datuk Dr Ramlah Adam.

Ini kerana Pas sedar jika janji itu ditulis di dalam manifesto, ia akan menjadi satu dokumen, tetapi kalau setakat bercakap biasa di dalam ceramah, ia bukan satu dokumen.

Begitu juga manifesto gabungan pembangkang - Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), dilihat sebagai tidak masuk akal dan tidak realistik sama sekali.


Malah, apa yang gabungan itu masukkan dalam manifesto adalah isu lama, terutama untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Polis serta Akta Universiti dan Kolej.

Rakyat sendiri sebenarnya sukar menerima di mana logiknya manifesto pembangkang ini kerana tanpa akta-akta berkenaan, gerakan penganas seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiah (JI) pasti akan berleluasa dan Malaysia akan menjadi huru-hara.


Secara logik juga pelabur tidak akan masuk ke negara ini jika saham jatuh dan keadaan huru-hara.

Akta-akta berkenaan adalah mekanisme perlu untuk menangani pelbagai ancaman yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan ketenteraman awam.

"Ada orang kata, kerajaan retorik kerana gunakan akta berkenaan sebagai alat untuk menjamin keselamatan negara tetapi secara logik kalau masalah yang boleh mengancam keselamatan



Muhammad Muhd Taib



Dr Firdaus Abdullah

## Apakah kita mahu memilih pemimpin yang hanya 'sedap cakap' dan pandai berceramah saja tetapi tidak pandai bekerja, atau memilih pemimpin yang sudah terbukti rekod pemerintahannya

negara tidak ditegah dari awal, apa akan jadi?


"Begitu juga Akta Universiti dan Kolej. Sebenarnya tidak ada masalah. Penuntut banyak saluran nak bercakap. Tetapi tak bolehlah nak buat demonstrasi jalanan. Kalangan intelek seharusnya berjuang menerusi idea, bukan secara fizikal," kata Prof Dr Ramlah.

Begitu juga isu hak asasi manusia, sebenarnya semua itu sudah diperjuangkan kerajaan menerusi penubuhan Suhakam dan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pendek kata apa yang dibantah oleh pembangkang selama ini semuanya sudah diterjemahkan dalam bentuk tindakan oleh kerajaan BN yang bersikap telus dan terbuka.

Soal nak turunkan cukai pintu dan penghapusan tol juga dianggap tidak masuk akal kerana nasib yang menimpa rakyat Terengganu telah membuktikan tindakan berkenaan menyebabkan kerajaan negeri akhirnya tidak ada duit untuk membiayai kos penyelenggaraan prasarana yang dibuat.

Tidak hairanlah seorang lagi penganalisis politik, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah, menganggap manifesto pembangkang untuk Pilihan Raya



Dr Ramlah Adam

Umum ke-11 ini hanya 'janji manis' tetapi ia dibuat tanpa kajian teliti dan mendalam terhadap hakikat serta implikasinya.

Amat diragui sama ada janji-janji pembangkang itu dibuat hasil daripada kajian yang teliti terhadap realiti sosial, ekonomi dan pentadbiran di negara ini.

Justeru, kenapa tidak kita duduk berfikir secara rasional dan bijak. Apakah kita mahu memilih pemimpin yang hanya 'sedap cakap' dan pandai berceramah saja tetapi tidak pandai bekerja, atau memilih pemimpin yang sudah terbukti rekod pemerintahannya.

Kalau pemikiran secara rasional menjadi taruhan, kemenangan selesai dilihat bukan masalah bagi BN Ahad ini, apa lagi tempas kemenangan besar tanpa bertanding di Sabah dan Sarawak dikatakan turut menyuntik semangat pengundi di Semenanjung.

Cumanya pengundi jangan berasa terlalu selesai sehingga tidak keluar mengundi. Ingatlah 'menyesal dulu pendapatan, menyesal kemudian tiada gunanya'.